



## Expoconvo UMP tarik perhatian masyarakat Pahang

Saban tahun, sempena konvokesyen yang diadakan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak pernah terlepas menganjurkan Expoconvo yang bukan sahaja untuk memeriahkan pesta konvokesyen, malahan sebagai panduan dan pengalaman kepada para mahasiswa yang dinaungi oleh Persatuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menguruskan majlis yang amat besar ini.

Oleh itu, bagi Konvokesyen UMP kali Ke-5 ini UMP dengan jayanya telah melancarkan majlis Expoconvo 2010 pada 8 Oktober 2010 yang lalu, bertempat di Dataran Canseleri UMP, Kampus Gambang, yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd. Taib.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang expoconvo ini berlangsung selama lapan hari bermula 3 hingga 10 Oktober 2010 ialah Pertandingan *Street Soccer*, *Senamrobik*, *Skateboard*, *Control Car*, *Ladies Night*, *Mini Funfair*, *Go-kart* dan pelbagai aktiviti lagi.

Selain penglibatan mahasiswa UMP, aktiviti Expoconvo juga turut memberi peluang kepada para pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan masyarakat sekitar kampus untuk turut serta dalam aktiviti yang telah diaturkan.

Terdapat lebih 30 aktiviti yang melibatkan masyarakat luar antaranya *Choral Speaking* untuk pelajar sekolah menengah, Pertandingan *Spell Its Right*, Mencipta Roket Air, Pertandingan *Street Soccer*, demonstrasi kebakaran, Pertandingan Futsal dan pelbagai lagi.

Apa yang lebih menarik lagi, Expoconvo kali ini telah menganjurkan Pertandingan Reka cipta dan Inovasi dalam usaha mengalakkan budaya reka cipta di Malaysia.

Pertandingan bertemakan 'Inovasi untuk Kehidupan ini' menarik minat di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia untuk mempamerkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada khalayak ramai yang diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2010 yang lalu.

Lebih 100 projek reka cipta yang akan dipertandingkan di kalangan pelajar IPT dan sekolah menengah bagi merebut Kategori Anugerah Khas Terbaik (Best of The Best) bagi Kategori sekolah menengah, IPT dan Tertutup UMP.

